



MSC Malaysia dijenamakan semula sebagai Malaysia Digital

DUBAI: Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa mengumumkan MSC Malaysia akan dipertingkatkan dan dinamakan semula sebagai Malaysia Digital.

Beliau berkata, MSC Malaysia perlu berkembang berikutan peralihan pantas norma sosio-ekonomi sebagai tindak balas kepada kemajuan teknologi digital.

"Sejak diperkenalkan pada 1996, MSC Malaysia telah memangkin dan mengubah Malaysia menjadi ekonomi berdasarkan pengetahuan.

"Ia sememangnya satu program yang tidak pernah dilihat di dunia pada tahun 1996 – sebuah "game changer". Dalam pelbagai aspek, MSC Malaysia adalah syarikat permulaan "startup" pada masa istilah "startup" masih belum dicipta," katanya ketika berucap merasmikan Minggu Ekonomi Digital Malaysia di Ekspo 2020 di Dubai pada Rabu.

MSC Malaysia, menurut beliau, telah membantu memacu pertumbuhan ekonomi digital negara, yang kini menyumbang 22.6 peratus daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK).

Di bawah Malaysia Digital, beliau turut mengumumkan dua insiatif utama iaitu program De Rantau yang bertujuan menjadikan Malaysia sebagai hab nomad digital pilihan.

Sementara The Malaysia Digital Trade Programme pula untuk membantu kebolehoperasian dan penyelarasaran perdagangan dalam dan luar negara.

Beliau berkata, kerajaan telah mengenal pasti ekonomi digital sebagai salah satu bidang pertumbuhan ekonomi utama Malaysia.

Menurut Rancangan Malaysia Ke-12, ekonomi digital diunjurkan menyumbang 25.5 peratus kepada KDNK Malaysia menjelang 2025.

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/msc-malaysia-dijenamakan-semula-sebagai-malaysia-digital-341264>